

informika

Jurnal Peradaban Informasi Dan Ilmu

Tema : Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar

Informika
Jilid 2, 2013

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (Ketua)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (Timbalan Ketua Editor)

Editor Pelaksana

Mohamad Noorman Masrek
Siti Arpah Noordin
Mohd Jailani Paiman
Husain Hashim
Hasnah Hashim
Mohd Sazili Shahibi

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – Universiti Teknologi MARA

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – Universiti Brunei Darussalam
Prof. Dr. Ding Choo Ming – Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah – Universiti Malaysia Kelantan
Dr. Roosfa Hashim – Universiti Kebangsaan Malaysia
Dr. Wan Ali Wan Mamat – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-79622020 Faks.: 03-79622007)

Harga : RM 20 (Malaysia)
: USD 20 (Luar Negara)

INFORMIKA
JILID 2, 2013
ISSN 2231-7104

Bil	Kandungan	M/S
1	Sentuhan Intelektual Membaca Karya-Karya Agung Melayu <i>Ding Choo Ming</i>	1-20
2	Perpustakaan Pembina Tamadun <i>Muhammad Hj. Salleh</i>	21-24
3	Penerbitan Popular dan Penerbitan Ilmiah: Sejauh Mana Membentuk Minat Membaca Masyarakat <i>Zulkarnain Zakaria</i>	25-36
4	Ilmu dan Ilmu Pengetahuan dari Perspektif Islam <i>Norasiah Haji Harun</i>	37-42
5	Peranan Perpustakaan-perpustakaan Luar Bandar dalam Pembentukan Modal Insan yang Bernilai Tinggi <i>Norehan Ahmad dan Haliza Yahaya</i>	43-54
6	Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki di Malaysia <i>Ezza Rafeedziawati Kamal Rafeedzi, Abrizah Abdullah dan Nur Khairunnisha Zainal</i>	55-68
7	Memaksimumkan Pengguna Pusat Sumber Sekolah (PSS) Sebagai Agen Kecemerlangan Akademik <i>Zailani Shafie, Nor Ezan Omar dan Nor Diana Abd Rahman</i>	69-78
8	Pengabstrakan dan Pengindeksan di Malaysia: Satu Tinjauan <i>Abd Rashid Abd Rahman, Fuziah Mohd Nadzar dan Rosnita Sahrani</i>	79-94
9	Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat di Internet dari Kalangan Generasi Muda Melayu (Pelajar UiTM) <i>Mohd Sazili Shahibi, Mazwani Ayu Mazlan, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i>	95-101
ULASAN BUKU		
1	Tokoh-tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	103-104
2	Perpustakaan Digital: Isu dan Cabaran <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	105-106

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 2 (2013) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library Science - Malaysia - Periodicals
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II.Z671

©2013 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

KAJIAN ETNOGRAFI TINGKAH LAKU MAKLUMAT PESALAH JUVANA LELAKI DI MALAYSIA

Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi

*Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA,
40150 Shah Alam, Selangor*

Abrizah Abdullah

*Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur*

Nur Khairunnisha Zainal

*Pusat Pengajian Siswazah, AlBukhary International University, Jalan Tun Abdul Razak,
05200 Alor Setar, Kedah*

ABSTRAK : Artikel ini melaporkan mengenai kajian tingkah laku maklumat di kalangan pesalah juvana yang masih di dalam progress. Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan maklumat pesalah juvana, bagaimana keperluan maklumat ini berkembang antara mereka dan untuk mengenalpasti sama ada maklumat yang diperlukan dapat memenuhi kehendak mereka atau sebaliknya. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah dengan menggunakan pendekatan kajian etnografi. Kajian ini memerlukan penyelidik mendekati responden, mencatatkan pengalaman peribadi berdasarkan pengalaman responden dan pemerhatian yang dilakukan pada responden. Kajian ini melibatkan lima sekolah integriti di Malaysia.

Kata Kunci: Tingkah laku Maklumat, Keperluan Maklumat, Juvana Lelaki, Perpustakaan Penjara, Kajian Etnografi

PENGENALAN

Tingkah laku manusia secara keseluruhannya berkait rapat dengan sumber dan saluran maklumat; termasuk pencarian maklumat sama ada secara aktif atau pasif dan penggunaan maklumat itu sendiri. Hal ini juga termasuk komunikasi dua hala antara individu serta penerimaan maklumat yang pasif seperti menonton iklan televisyen; tanpa sebarang niat untuk bertindak balas terhadap maklumat yang diberikan (Wilson, 1996). Merujuk kepada Eskola (1998), penyelidikan mengenai keperluan maklumat, pencarian maklumat dan penggunaan maklumat telah bermula sekitar tahun 1940an. Tambah beliau, sekitar awal 1980an, para penyelidik telah mula mempersoalkan tentang keperluan maklumat, pencarian dan penggunaan maklumat; dan hal ini tidak boleh di lihat dari satu sudut pandangan sahaja. Campbell (2006) bersetuju dengan pendapat ini dan menambah bahawa tingkah laku maklumat juga tidak mengabaikan populasi penghuni penjara. Idea beliau di sokong dengan menggunakan Model Wilson mengenai tingkah laku maklumat. Menurut Campbell (2005), tingkah laku maklumat penghuni penjara hanya boleh di fahami sebagai satu kaedah motivasi kepada penghuni penjara tersebut. Profesional maklumat amat memahami tingkah laku maklumat penghuni penjara tetapi yang menjadi halangan adalah pembuat keputusan yang tidak memahami atau sukar memahami kehendak penghuni penjara. Hal ini akan menghalang proses memotivasi penghuni penjara untuk menyediakan perkhidmatan maklumat yang baik.

Penjara merupakan bangunan yang digunakan untuk menahan pesalah atau suspek yang menunggu untuk di bicarakan. Dalam erti kata lain, penjara adalah institusi yang mengurung orang yang telah di caj atau mungkin yang didakwa atas kesalahan jenayah, tahanan yang direman dan tahanan yang tidak memenuhi syarat-syarat ikat jamin. Defendan yang di dapati atau dijatuhan hukuman bersalah dan perlu dipenjarakan. akan menerima hukuman penjara mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Hukuman yang paling ditakuti adalah hukuman mati yang juga dilaksanakan di penjara. Penghuni penjara yang telah menjalani hukuman dalam tempoh yang agak lama, dijangkakan akan dapat berubah sikap untuk menjadi individu yang lebih baik. Masyarakat di dunia luar juga mengharapkan agar setiap penghuni penjara akan berubah apabila keluar dari penjara. Pada ketika masyarakat luar mengharapkan mereka menjadi individu yang terbaik, para penghuni penjara juga mengalami dilema hidup mereka apabila keluar dan berdamping dengan masyarakat. Ini adalah disebabkan faktor penyesuaian dan pemahaman mereka terhadap perubahan teknologi yang telah pesat berlaku. Untuk menghapuskan jurang perbezaan kehidupan antara para penghuni penjara dengan masyarakat luar; adalah penting untuk pihak institusi penjara menyediakan keperluan bagi mereka mengakses dan menggunakan maklumat, terutamanya untuk latihan dan pendidikan mereka. Oleh itu, perpustakaan penjara memainkan peranan yang penting untuk latihan dan pendidikan penghuni penjara.

Kajian yang terdahulu (Omagbemi dan Odunewu, 2008; Kennedy, 2006; Curry, 2003; Barlotti, 2003; Lehmann, 2003; Dixen, 2001; Lemon, 1997; Liggett, 1996; Stevens and Usherwood, 1995) telah menunjukkan kepentingan penubuhan perpustakaan penjara untuk memulihkan penghuni penjara dan juga untuk menyediakan bahan pendidikan kepada penghuni penjara. Berdasarkan kepada kajian, peranan perpustakaan penjara amat penting untuk pesalah juvana memandangkan faktor usia mereka yang masih muda dan memerlukan sumber bahan bacaan yang bertepatan untuk membentuk jatidiri mereka ketika berada di penjara. Penafian terhadap perkhidmatan maklumat terhadap penghuni penjara akan menjelaskan objektif penubuhan penjara itu sendiri (Omagbemi dan Odunewu, 2008). Perpustakaan memainkan peranan yang penting di dalam menyokong misi institusi penjara untuk memulihkan para penghuninya (Lemon, 1997). Stevens (1995), telah mengenalpasti beberapa cara bagaimana perpustakaan penjara dapat membantu di dalam proses pemulihan penghuni penjara. Perpustakaan penjara akan membantu mereka menjadi individu yang lebih baik dengan menyediakan pengetahuan yang baru, menyokong kepentingan pendidikan mereka seperti yang telah digambarkan oleh penghuni penjara berikut :

“Mempunyai sebuah buku adalah sesuatu yang hebat di penjara untuk dibaca, sama seperti sedang duduk menikmati hidangan stik. Saya biasanya akan mengedarkan buku kepada penghuni penjara yang lain, jadi, hadiah buku itu akan sentiasa digunakan oleh kami.”

-Penghuni penjara dari Florida.


<http://plgatsimmons.wordpress.com/2011/03/01/fwd-prison-book-program-2/>

PESALAH JUVANA DI MALAYSIA

Merujuk kepada Seksyen 2, Akta Penjara 1995 (Akta 537), pesalah/banduan muda adalah merujuk kepada banduan dibawah usia 21 tahun. Di Malaysia, golongan remaja adalah golongan yang mempunyai populasi kedua terbesar berbanding kumpulan umur yang lain. Berdasarkan kepada laporan dari Bahagian Pencegahan Jenayah, Bukit Aman; di

Malaysia kini juvana banyak terlibat dengan penyakit sosial dan jenayah yang kejam (Utusan Malaysia, 2011). Pada tahun 2010, individu yang berada di dalam kumpulan umur 0 hingga 24 tahun adalah sebanyak 46.5% daripada populasi penduduk di Malaysia. Kumpulan umur antara 25 hingga 44 tahun sebanyak 33% dan kumpulan umur 45 tahun dan keatas adalah sebanyak 20.5%. Daripada keseluruhan populasi, hanya 0.32% remaja yang terlibat didalam kegiatan jenayah. Walaupun peratusan ini adalah rendah, bilangan remaja yang terlibat didalam kegiatan jenayah adalah semakin meningkat, terutama remaja yang bersekolah dan masih belajar di kolej.

Daripada 8,113 remaja yang berumur antara 16 dan 18 tahun, telah ditahan pada tahun 2006; 3,545 daripada mereka adalah pelajar sekolah/kolej. Terdapat juga beberapa kes yang melibatkan pelajar berusia antara 7 hingga 10 tahun. Tahun 2008, sejumlah 3,643 jenayah kekerasan telah dilaporkan dan 5,166 jenayah melibatkan harta benda telah dilakukan oleh remaja berusia antara 7 hingga 18 tahun (raja 1). Pada bulan pertama tahun 2009, sebanyak 295 pelajar berusia antara 13 hingga 18 tahun telah terlibat dengan pelbagai kes jenayah termasuk kes membunuh. Antara kes jenayah yang kerap melibatkan remaja adalah seperti mencuri motorsikal, merompak, menyamun, bergaduh / mengasari individu lain dan merogol (Nurul Adlina Kamaluddin, 2009). Mencuri motorsikal adalah jenayah yang paling popular dikalangan remaja dengan 975 kes (The Star, 2010).



Rajah 1: Statistik remaja yang terlibat dengan kegiatan jenayah pada tahun 2008

Sumber: Utusan Malaysia (2009). Bilangan remaja yang terlibat dengan jenayah semakin meningkat. Retrieved 17 February, 2009 from <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=1128&IID=&PHPSESSID=78e100f2d293e3e03fc095b09d64c01>

Peningkatan kegiatan jenayah yang berlaku dikalangan remaja menyebabkan ramai banduan muda melalui fasa hidup mereka dengan sia-sia di dalam penjara. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Malaysia (RIM) dengan kerjasama Pusat Perkembangan Remaja, Pembangunan dan Psikologi Malaysia; remaja telah meletakkan faktor kepada penyumbang masalah perlakuan jenayah mereka kepada : 48.1% mengatakan bahawa mereka bosan dengan kehidupan mereka, 38% mengatakan bahawa ia adalah hobi mereka, dan 27.8% mengatakan bahawa kegiatan jenayah yang dilakukan telah di pengaruhi oleh rakan mereka. Merujuk kepada Hassan (2004), 80% juvana yang terlibat didalam aktiviti jenayah berasal daripada keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1000 dan mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai.

Hal ini menyebabkan tekanan dan keadaan tidak selesa juvana berkenaan semasa berada di dalam rumah.

Kerajaan Malaysia memberikan sokongan penuh terhadap pendidikan kepada banduan muda. Banduan muda berpeluang untuk mendapatkan pendidikan formal dan dibenarkan menduduki peperiksaan awam dibawah program khusus anjuran Kementerian Pelajaran dengan kerjasama pihak Jabatan Penjara. Di dalam program ini, guru akan di hantar ke penjara untuk mengajar banduan muda yang berusia sekitar 21 tahun ke bawah. Ilmu yang diperolehi amat penting untuk digunakan oleh mereka apabila dibebaskan kelak. Program akademik yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah :

- i- Kelas Pemulihan 3M
- ii- Kelas Pra PMR
- iii- Kelas PMR
- iv- Kelas Pra SPM
- v- Kelas SPM
- vi- Kelas STPM
- vii- Kelas Diploma/Ijazah (Program pendidikan jarak jauh)

Kewujudan kelas akademik secara tidak langsung menggalakkan banduan muda untuk menggunakan perpustakaan penjara untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pendidikan mereka. Aspirasi 1 Malaysia kerajaan Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah menekankan 8 nilai utama dan salah satu daripadanya adalah berkaitan dengan pendidikan. Menurut Najib (2009), pendidikan dan pengetahuan adalah syarat utama untuk menjadikan sesuatu bangsa itu berjaya. Beliau mengharapkan agar budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia akan dapat dipertingkatkan dan dijadikan sebagai satu hobi. Beliau juga mengharapkan agar fikiran rakyat Malaysia akan lebih terbuka dan kreatif dengan tertanamnya budaya membaca. Hal ini seharusnya juga diterapkan kepada penghuni penjara; sama ada yang dewasa atau yang masih muda. Kepentingan pendidikan seharusnya ditekankan kepada penghuni penjara untuk membentuk diri mereka menjadi yang lebih baik dan diauhkan daripada aktiviti jenayah. Kepentingan perpustakaan penjara ada terkandung di dalam Peraturan Penjara Malaysia 2000 iaitu '*perpustakaan mesti disediakan di setiap penjara. Setiap penghuni penjara hendaklah dibenarkan untuk menggunakan bahan bacaan di perpustakaan berkenaan dan bertukar bahan bacaan*'.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Terdapat beberapa kajian telah dilaksanakan yang membawa isu berkaitan dengan bagaimana perkhidmatan perpustakaan penjara dapat membantu didalam proses memulihkan dan memerikan pendidikan kepada banduan muda. Merujuk kepada Inderbitzin (2006), dengan memberikan keadilan kepada banduan muda, kita akan mudah mengetahui kaedah untuk mencegah dan mengawal tingkah laku pesalah juvana. Di dalam membantu pesalah juvana, adalah penting untuk mengetahui tingkah laku maklumat mereka terlebih dahulu. Untuk itu, objektif penyelidikan ini adalah :

- i- Untuk memahami keperluan maklumat pesalah juvana lelaki.
- ii- Untuk mengetahui bagaimana keperluan maklumat ini berkembang di antara pesalah juvana lelaki.
- iii- Untuk mengenalpasti sama ada keperluan maklumat ini dapat dipenuhi atau sebaliknya.

- iv- Untuk memahami bagaimana pesalah juvana lelaki berkongsi maklumat sesama mereka.
- v- Untuk memahami bagaimana persekitaran maklumat penjara dapat menyokong keperluan maklumat mereka.

KAEDAH ETNOGRAFI

Perkataan etnografi berasal daripada dua perkataan; iaitu etno, merujuk kepada manusia atau bangsa atau kaum dan grafi bermaksud penulisan tentang sesuatu atau penerangan tentang sesuatu. Menurut Hammersley dan Atkinson (2007), kebiasaannya etnografi melibatkan penyertaan penyelidik (etnografer); sama ada secara terang-terangan atau secara rahsia; di dalam kehidupan mana-mana kumpulan atau individu dalam tempoh waktu ditetapkan, melihat apa yang berlaku, mendengar apa yang dibicarakan dan mendapatkan maklumat melalui temubual secara formal atau tidak formal, mengumpul maklumat untuk di dokumentan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Dalam erti kata lain, etnografi adalah deskripsi terhadap manusia dan/atau kehidupan mereka (Neuman, 2011).

ETHNOGRAFI DI PENJARA

Penjara adalah merupakan tempat yang paling sukar untuk menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang. Ini adalah disebabkan oleh faktor keselamatan sama ada untuk para penyelidik atau pihak institusi penjara itu sendiri. Umumnya, masyarakat awam sentiasa memandang rendah hasil penyelidikan yang dilakukan di penjara kerana mempertikaikan kredibiliti penghuni penjara sebagai responden. Menurut Waldram (2009), para antropologis memaklumkan kepada beliau bahawa penghuni penjara adalah penipu; apabila beliau ingin melakukan kajian mengenai program pemulihan di penjara persekutuan. Tetapi sebenarnya, penggunaan kaedah etnografi banyak membantu kajian di dalam penjara kerana ia akan memudahkan penyelidik memahami budaya sesuatu kumpulan atau sekelompok manusia secara semulajadi. Menurut Fetterman (2010), etnografi melibatkan cerita yang boleh dipercayai dan sahih dari perspektif kehidupan dan kebudayaan manusia yang dipilih. Waldram (2009) percaya bahawa penyelidik menggunakan kaedah etnografi adalah disebabkan oleh tiga faktor :

- i- Penghuni penjara tidak sesuai dijadikan responden penyelidikan kerana penyelidikan kebanyakannya menumpukan hal berkaitan dengan orang yang tidak bersalah, yang berkuasa dan sebagainya.
- ii- Penghuni penjara sering dianggap tidak akan memberikan kerjasama dan sukar untuk menjalankan tugas bersama.
- iii- Persekitaran penjara adalah kawasan yang sentiasa dipantau dan dikawal rapi dan ini menghalang penyelidikan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

POPULASI DAN SAMPEL PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini hanya melibatkan beberapa responden sahaja daripada jumlah keseluruhan populasi pesalah juvana lelaki di Sekolah Integriti, Jabatan Penjara Malaysia. Pemilihan responden adalah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik kepada Jabatan Penjara Malaysia. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada :

- i- Pesalah juvana lelaki yang mempunyai pencapaian cemerlang di dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM.

- ii- Pesalah juvana lelaki yang masih di dalam pengajian peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.
- iii- Pesalah juvana lelaki yang tidak berminat di dalam bidang akademik tetapi berminat di dalam bidang kemahiran teknikal/vokasional.
- iv- Pesalah juvana lelaki yang paling muda.

Bersandarkan kepada slogan UNESCO iaitu “Pendidikan Untuk Semua”; Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan Sekolah Integriti pada tahun 2008 untuk pesalah juvana. Objektif penubuhan hanyalah untuk menyediakan pendidikan dan kemahiran kepada semua pesalah juvana tanpa mengambil kira kesalahan jenayah yang dilakukan oleh mereka. Kerajaan Malaysia menyediakan lapan Sekolah Integriti termasuk di Sabah dan Sarawak, tetapi untuk penyelidikan ini, hanya lima Sekolah Integriti sahaja yang dipilih seperti di Jadual 1.

No	Zon	Lokasi
1	Zon Utara	Sekolah Integriti Sungai Petani, Kedah
2	Zon Tengah	Sekolah Integriti Kajang, Selangor
3	Zon Timur	Sekolah Integriti Marang, Terengganu
4	Zon Selatan	Sekolah Integriti Kluang, Johor
5		Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka

Jadual 1: Sekolah Integriti di Malaysia

PESALAH JUVANA LELAKI SEBAGAI RESPONDEN

Pesalah juvana lelaki adalah dipilih sebagai sampel memandangkan penghuni penjara wanita tidak berminat untuk berbincang atau berkongsi maklumat mengenai dunia luar penjara (Chatman, 1999). Penghuni penjara wanita berasaskan bahawa dengan mengetahui maklumat sebegini, ianya tidak membawa kepada apa-apa perubahan pada diri mereka apabila dibebaskan kelak dan tidak dapat mengurangkan tekanan semasa berada di penjara. Chatman juga menambah bahawa mereka juga mengelak daripada mengetahui sebarang bentuk pengetahuan dan maklumat yang berkaitan dengan dunia luar. Penghuni penjara wanita yang di tahan di penjara akibat daripada kesalahan jenayah dadah dan alkohol, biasanya akan mengekalkan sikap mereka semasa berada di penjara. Ini akan menyebabkan berlakunya masalah untuk mengawal mereka berbanding dengan penghuni penjara lelaki. Kenyataan ini telah disokong dengan temubual tidak formal antara penyelidik dengan kakitangan penjara wanita, Jabatan Penjara Malaysia, Puan A.


“Adalah sukar untuk menjalankan penyelidikan berkaitan dengan penghuni penjara wanita jika penyelidik berkenaan adalah daripada jantina yang sama. Mereka biasanya akan mengelak untuk menjawab sebarang pertanyaan atau berbual mengenai diri mereka, apa yang mereka lakukan dan juga sejarah kehidupan mereka. Terdapat juga kes penghuni penjara wanita cepat marah dan bertindak agresif dengan orang luar. Bagi mereka, orang luar (penyelidik) hanya mengganggu hidup mereka”.

Puan A juga menambah;

"Ini berbeza jika dibandingkan dengan penghuni penjara lelaki. Penghuni penjara lelaki lebih berminat untuk berkongsi pengalaman dan kisah hidup mereka. Jika penyelidik adalah wanita, mereka akan berasa seolah-olah dihargai dan mereka akan lebih menghormati penyelidik berkenaan".

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Penyelidikan ini menggunakan kaedah etnografi yang mana penyelidik akan menumpukan kaedah temubual secara tidak formal, pengalaman peribadi, melibatkan diri dengan pesalah juvana lelaki dan tidak hanya memerhatikan responden (Genzuk, 2003). Menurut Genzuk (2003), etnografi membantu meningkatkan dan meluaskan pandangan penyelidik terhadap penyelidikan dan menjana analisa baru dengan penglibatan secara interaktif dan meneroka secara mendalam sesuatu budaya masyarakat. Kaedah etnografi terbahagi kepada tiga fasa (rajah 2). Ia menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temubual, pemerhatian dan pendokumentasian.



Rajah 2: Tiga fasa yang melibatkan kajian etnografi

i- Fasa 1 : Sesi temubual bersama responden

Fasa pertama amatlah penting untuk mendapatkan maklumbalas mengenai pendapat, perasaan, pengetahuan dan maklumat latarbelakang sampel (Genzuk, 2003). Etnografer yang baik adalah individu yang mengambil peluang untuk mendengar dan bertanyakan soalan kepada sampel sambil memerhatikan sampel (O'Reilly, 2011). Sesi temubual ini akan dilakukan dalam situasi yang unik; iaitu penyelidik menggunakan bahasa yang mudah dan senang untuk berkomunikasi dengan sampel di dalam persekitaran yang selesa kepada mereka. Penyelidik akan bertanyakan soalan yang terbuka dan mudah untuk dijawab serta penyelidik akan memerhatikan sampel semasa sesi temubual dijalankan. Semasa temubual dijalankan, penyelidik mestilah sentiasa peka dan sensitif dengan setiap respon jawapan daripada sampel. Yang lebih penting adalah, semasa temubual, setiap etnografer bukan hanya mendapatkan maklumat berkaitan dengan penyelidikan atau kajian, sebaliknya mereka akan terus terlibat secara langsung dengan sampel, komited dengan penyelidikan dan memahami bahawa penyelidikan menggunakan kaedah ini akan menggunakan masa yang agak lama bersama sampel (O'Reilly, 2011).

Di persekitaran penjara dan dalam keadaan berhadapan dengan pesalah juvana lelaki, penyelidik haruslah mengingati bahawa penggunaan bahasa rasmi akan menghalang mereka untuk mendapatkan maklumabalas yang baik dengan sampel. Penggunaan bahasa rasmi juga akan menyebabkan sampel tidak berminat dan tidak memahami soalan yang dilontarkan oleh penyelidik. Cara yang terbaik adalah, penyelidik akan terus berhubung dan mempelajari bahasa yang memudahkan pesalah juvana memahami setiap perincian soalan yang diperlukan oleh penyelidik. Selain daripada itu, penyelidik juga haruslah berusaha untuk menarik perhatian sampel dengan bercerita mengenai minat mereka seperti pasukan bola sepak yang diminati mereka. Walaupun bahasa Melayu digunakan sebagai medium komunikasi antara penyelidik dan sampel, terdapat juga beberapa patah perkataan dan dialek yang tidak difahami oleh penyelidik. Menurut O’ Reilly (2011), etnografer mestilah sentiasa menyedari tahap pemahaman sesebuah kumpulan atau budaya mungkin akan dipengaruhi oleh kemahiran bahasa mereka. Penyelidik haruslah menerima ketidaksempurnaan penggunaan bahasa dikalangan sampel tetapi ini tidak bermakna penyelidik tidak memahami sepenuhnya kandungan pertuturan sampel berkenaan. Untuk memudahkan penyelidikan, penyelidik telah menghantar surat permohonan penggunaan peralatan perakam audio kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk digunakan semasa sesi temubual. Ini akan membantu penyelidik untuk menyediakan menyalin semula kandungan temubual yang dijalankan.

ii- Fasa 2 : Sesi pemerhatian

Penyelidik amat komited untuk menghampiri sampel di dalam persekitaran semulajadi yang diduduki oleh sampel. Selain daripada itu, bagi sesi pemerhatian; penyelidik akan menyediakan satu koleksi buku terkini yang menjadi minat remaja di dunia luar dan juga bahan berkaitan kehidupan dan agama untuk dinilai sama ada ianya menjadi pilihan sampel atau sebaliknya. Kaedah ini penting digunakan untuk melihat keperluan dan minat sampel terhadap koleksi yang sedia wujud di dalam penjara. Menurut O’Rielly (2011), etnografer tidak hanya bercakap dan bertanyakan soalan, tetapi mereka juga akan mempelajari sampel dengan memerhatikan mereka, terlibat di dalam kehidupan mereka dan bertanyakan soalan yang berkaitan dengan pengalaman kehidupan sehari-hari mereka. Sesi pemerhatian ini akan dijalankan di Sekolah Integriti. Sampel yang terlibat di dalam sesi temubual juga akan terlibat di dalam sesi pemerhatian. Jika terdapat pesalah juvana lelaki yang menggunakan perpustakaan penjara dengan mempunyai kriteria yang sesuai untuk diperhatikan; juga akan diambil sebagai sampel di dalam penyelidikan ini. Sebagai contoh, mana-mana pesalah juvana lelaki yang menggunakan atau meminta bahan bacaan yang tidak popular atau jarang diminta / dirujuk oleh pesalah juvana lelaki yang lain, beliau juga akan dijadikan sebagai sampel. Jika perlu, penyelidik akan menemubual pesalah juvana lelaki berkenaan bagi tujuan penyelidikan.

iii- Fasa 3 : Sesi pendokumentasian

Fasa terakhir adalah sesi mengumpul apa sahaja bahan atau dokumen yang berkaitan seperti poster, memo, bahan pengajaran dan sebagainya yang berkaitan dengan tingkah laku maklumat pesalah juvana lelaki. Untuk mengelakkan sebarang masalah berkaitan dengan plagiat, penyelidik akan menyediakan senarai rujukan bahan berkenaan.

KESIMPULAN

Setiap manusia membuat kesalahan. Oleh kerana itu, tidak mustahil untuk kita menjadi penghuni penjara satu ketika nanti akibat daripada kesalahan yang dilakukan. Kita mesti

menerima hakikat bahawa penghuni penjara memerlukan kita untuk memahami mereka dan mengetahui hak mereka sebagai manusia. Pesalah juvana adalah penghuni penjara yang masih muda dan mereka masih mempunyai peluang untuk memperbaiki kesilapan yang telah dilakukan untuk menjadi individu yang lebih baik. Dengan menggunakan kaedah etnografi, penyelidik memasuki kehidupan sehari-hari pesalah juvana lelaki di penjara. Kaedah ini memudahkan penyelidik memahami tingkah laku maklumat di kalangan pesalah juvana lelaki dan dapat membantu pihak yang berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan penjara yang cekap dan berkesan, memperbaiki kelemahan pentadbiran perpustakaan penjara dan membantu menyediakan koleksi bahan bacaan yang bersesuaian di perpustakaan penjara Sekolah Integriti. Perpustakaan penjara memainkan peranan yang penting di dalam membina semangat, menyediakan ilmu pengetahuan dan membentuk kerohanian pesalah juvana untuk mereka menjadi insan yang lebih baik apabila dibebaskan kelak.

RUJUKAN

- A prisoner from Chattahoochee, Florida (2011). "FWD : Prison book program." Retrieved November 8, 2011 from <http://plgatsimmons.wordpress.com/2011/03/01/fwd-prison-book-program-2/>
- Abd. Wahab Kassim (2004). "Juveniles on remand : Trends and practices in Malaysia." Retrieved on March 23, 2012 from http://www.unafei.or.jp/english/pdf/RS_No68/No68_17PA_Kassim.pdf
- Barlotti, M.A. (2003, August)." Prison libraries in Italy." Paper presented at *69th IFLA General Conference and Council*. Berlin : IFLA.
- Barone, R. M (1977). "De-programming prison libraries." *Special Libraries*. Sept 1977, 296.
- Bates, M. J. (2010). "Information behavior." Retrieved February 25, 2011 from <http://gseis.ucla.edu/faculty/bates/articles/information-behavior.html>
- BERNAMA (2007). "Guru akan dihantar ke penjara mengajar banduan muda." Retrieved November 26, 2007 from http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2007/11/26/TERKINI/Mutakhir/Guru_akan_dihantar_ke_penjara_mengajar_banduan_muda&sec=mstar_berita
- Campbell, D. K. (2005). "The context of the information behavior of prison inmates." *Progressive Librarian*. Retrieved December 23, 2010 from http://www.libr.org/pl/26_Campbell.html.
- Case, D.O. (2002). "*Looking for information : a survey of research on information seeking, needs and behavior.*" Amsterdam : Academic Press.
- Case, P. and Fasenfest, D. (2004, March). "Expectations for opportunities following prison education : A discussion of race and gender." *Journal of Correctional Education*. 55 (1): 24.
- Cheeseman, M. (1994). "Library services to young people and children in correctional facilities." Retrieved April 25, 2008 from <http://www.ideals.uiuc.edu/dspace/handle/2142/6943>

- Chiam, H.K and Chan, S.G (2011). "A profile of delinquents in an approved school." *Akademika.* "81(1): 101.
- Clark, S. and Patrick, B. (1999, August). "Choose freedom read : Book talks behind bars." *American Libraries.* 30 (7): 63.
- Collins, R and Boden, L. (1997). "Guidelines for prison libraries." 2nd ed. US : Library Association Prison, Libraries Group.
- Creswell, J.W. (2002). "Research design : Qualitative, quantitative and mixed methods approaches." 2nd ed. California : Sage Publications.
- Creswell, J.W. (2012). "Educational research : Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research." 4th. ed. Boston : Pearson.
- Curry, A. (2003). "Canadian federal prison libraries : A national survey." *Journal of Librarianship and Information Science.* 35(3).
- Dalton, S. (2003, March). "Folsom prison library." *Connection, The California State Library.* 33(1).
- Dixen, R. and Thorson, S. (2001, Oct). "How librarians serve people in prison." *Computers in Libraries.* 21 (9): 48.
- Dr. Hasan Bahrom (2004). "Remaja, kemiskinan dan juvana suatu realiti?" Retrieved on March 18, 2012 from <http://uitm.academia.edu/HasanBahrom/> Papers/1339986/Remaja_kemiskinan_dan_juvana_satu_realiti
- Edward-Willey, T.L. and Chivers, N. (2005, March). "Perceptions of inmate-students' ability to succeed." *Journal of Correctional Education.* 56 (1): 65.
- Einat, T and Einat A. (2007). "Learning disabilities and delinquency : A study of Israeli prison inmates." Retrieved April 19, 2009 from <http://ijo.sagepub.com/cgi/content/abstract/52/4/416>
- Eskola, E. (1998). "University students' information seeking behavior in a changing learning environment : How are students' information needs, seeking and use affected by new teaching methods?" *Information Research,* Vol. 4, (2). Retrieved 21 June 2008 from <http://www.emeraldinsight.com>
- Fisher, K., Erdelez, S. and McKechnie, L. (ed.) (2008). *Theories in information behavior.* New Delhi : Ess Ess Publications.
- Galley, J. P. and Parsons, M.H. (1976, October). "College behind the walls : Factors influencing a post-secondary inmate education program." Paper presented at the National Convention of the Community College Social Science Association, Missouri : Community College Social Science Association.
- Gaucher, R. (1988). "The prisoner as ethnographer : The Journal of Prisoners on prisons". Retrieved March 20, 2012 from http://www.jpp.org/documents/forms/JPP1/_Prisoner_as_Ethnographer.pdf.

- Geary, M. (2003). "Trends in prison library service." Retrieved September 4, 2007 from http://d.wanfangdata.com.cn/NSTLQK_NSTL_QK7063676.aspx.
- Gendron, D. and Cavan, J. (1988, April). "Inmate education : The Virginia model." Paper presented at the Annual Convention of the American Association of Community and Junior Colleges. Las Vegas : American Association of Community and Junior Colleges.
- Genzuk, M. (2003). "A synthesis of ethnographic research." Retrieved May 28, 2010 from http://www.rcf.usc.edu/~genzuk/Ethnographic_Research.html.
- Grimes, J. (2000). "Rehabilitational vs. recreational principles in prison libraries : A study." Retrieved May 24, 2006 from <http://www.crookback.btinternet.co.uk/prisonlibrary.htm>
- Given, L. M. (2002). "The academic and the everyday: Investigating the overlap in mature undergraduates' information-seeking behaviors." *Library & Information Science Research*. 24(17)
- Gobo, G. (2008). *Doing ethnography*. (Adrian Belton, Trans.). Los Angeles : Sage.
- Grolier (1998). "*Grolier encyclopedia of knowledge*." United States : Grolier Incorporated.
- Hamilton, M. (1999). Ethnography for classrooms : Constructing a reflective curriculum for literacy. Retrieved March 21, 2012 from <http://dx.doi.org/10.1080/14681369900200074>
- Hammersley, M. and Atkinson, P. (2007). *Ethnography : Principles and practice*. 2nd. ed. London: Routledge.
- Hannigan, M.C. (1962). *The librarian in bibliotherapy : Pharmacist or bibliotherapist?* Retrieved May 21, 2008 from <http://hdl.handle.net/2142/6056>
- Inderbitzin, M. (2006). "Guardians of the state's problem children : An ethnographic study of staff members in a Juvenile Correctional Facility." Retrieved March 20, 2012 from <http://tpj.sagepub.com/content/86/4/431>
- Karpowitz, D. and Kenner, M. (1995). *Education as crime prevention : The case for reinstating Pell Grant eligibility for the incarcerated*. New York : Bard College.
- Kennedy, T. (2008). "*Keeping libraries alive behind bars : A study of NSW corrective services libraries*." Retrieved Jun 06, 2009 from <http://edoc.hu-berlin.de/conferences/bobcatsss2008>
- Kennedy, T. (2006). "Libraries without librarians are just a room full of books : A study of NSW corrective services." Retrieved May 19, 2008 http://conferences.alia.org.au/alia2006/Papers/Toni_Kennedy.pdf
- Knudsen, M. (2000). "How my library affects my life in prison." *Education Libraries*. 24 (1), 20.
- Koudstaal, D. et al. (2009, August). "Creating cooperatively with all stakeholders an advanced and highly secure ICT learning network for all inmates within existing cultural prison practices." *Paper presented at ACEA/Reintegration Puzzle. Perth Australia*.

- Lehmann, V. (2003, August). “*Planning and implementing prison libraries : Strategies and resources.*” Paper presented at 69th IFLA General Conference and Council. Berlin: IFLA.
- Lemon, M. (1997). “*Prison libraries change lives.*” *Information Outlook.* Retrieved August 2, 2009 from http://findarticles.com/p/articles/_mi_m0FWE/_is_n11_v1/ai_20078332/pg_2/?tag=content
- Liggett, J.M. (1996). “*Survey of Ohio’s prison libraries.*” *Journal of Interlibrary Loan, Document Delivery and Information Supply.* 7 (1).
- LeDonne, M. (1977, Summer). “*Survey of library and informational problems in correctional facilities : A retrospective review.*” *Library Trends.* 53-70.
- Maher, J. (2004, Spring). “*My way out of this life is an education.*” *Women’s Studies Quarterly.* 32(100).
- Marbley, A. F. and Ferguson, R. (1999). “*Correctional systems : Rethinking the notion of education in rehabilitation.*” Retrieved July 16, 2007 from http://eric.ed.gov/ERICDocs/data/ericdocs2sql/content_storage_01/0000019b/80/17/69/9f.pdf 16 July 2007
- Mohd Feroz Abu Bakar (2011). “*Pesalah juvana Malaysia.*” *Berita Harian,* 14.
- Mrs. A (*personal communication, September 21, 2011*).
- Nahl, D. and Bilal, D. (2008). “*Information and emotion : The emergent affective paradigm in information behavior research and theory.*” India : Ess Ess Publications.
- Najib Abd Razak, Dato’ Sri (2011). “1Malaysia.” Retrieved Februari 12, 2011 from <http://1malaysia.com.my>
- Neuman, W.L (2011). “*Social research methods : Qualitative and quantitative approaches.*” 7th. ed. Boston : Pearson.
- Nielsen, M.M. (2010). “*Pains and possibilities in prison : On the use of emotions and positioning in ethnographic research.*” Retrieved March 19, 2012 from <http://asj.sagepub.com/content/53/4/307>
- Noraini Idris (2010). “*Penyelidikan dalam pendidikan.*” Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- Omagbemi, C.O. and Odunewu, A.O. (2008, June). “An appraisal of library services provision to prison inmates in Nigeria.” *Information, Society and Justice.* 1 (2), 245.
- Othman Lebar (2009). “*Penyelidikan kualitatif : Pengenalan kepada teori dan metod.*” Tanjung Malim, Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- O’Rielly, K. (2011). “*Ethnographic methods.*” 2nd. ed. London : Routledge.
- Petersilia, J. (2004, September). “What works in prisoner reentry? Reviewing and questioning the evidence”. *Federal Probation* .68, 2.

- Prison Department of Malaysia (2000). "Malaysian prison regulations." Retrieved October 15, 2011 from http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/english/undang2_en.
- Ramayah, Umavathi (2009). "8,809 pelajar kes juvenil 2008." Retrieved August 1, 2009 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0801&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_01.htm
- Roberts, C.H. (2000). "Juvenile delinquency : Cause and effect." Retrieved January 2, 2012 from <http://www.yale.edu/ynhti/curriculum/units/2000/2/00.02.05.x.html>
- Rubin, R.J. (1973). "U.S prison library services and their theoretical bases." Retrieved July 6, 2004 from <http://openlibrary.org/b/OL20553937M>
- Sanggaran, Shyla (2008). "E-skills training: Learning tech behind prison walls." Retrieved July 12, 2009 from <http://www.prihatinmalaysia.org/html/nst/150608.html>
- Shirley, G. L. (2003). "Correctional libraries, library standards and diversity." *Journal of Correctional Education*. Retrieved June 8, 2009 from http://findarticles.com/p/articles/mi_qa4111/is_200306/ai_n9296955.
- Social Exclusion Unit (2002). "*Re-offending by ex-prisoners.*" UK : Social Exclusion Unit.
- Stearns, R. M. (2004). "The prison library : An issue for corrections, or a correct solution for its issues?" *Behavioral and Social Sciences Librarian*. 23 (1), 49.
- Stueurer, S. J. and Smith, L.G. (2003). "Education reduces crime : Three-state recidivism study." Retrieved July 29, 2009 from <http://www.ceanational.org/documents/EdReducesCrime.pdf>
- Stevens, T. and Usherwood, B. (1995). "The development of the prison library and its role within the models of rehabilitation." *The Howard Journal of Criminal Justice*. 34, (1).
- SUHAKAM (2002). "*Bengkel hak-hak asasi banduan muda.*" Kuala Lumpur : Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).
- Utusan Malaysia (2011). "Jumlah jenayah juvana membimbangkan – KP Pelajaran." Retrieved March 22, 2012 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_17.htm
- Utusan Malaysia (2009). "Kes remaja terlibat jenayah meningkat." Retrieved February 17, 2009 from <http://www.dbp.gov.my/lamandbpmain.php?Content=articles&ArticleID=1128&IID=&PHPSESSID=78e100f2d293e3e03fcb095b09d64c01>
- Ubah, C.B.A and Robinson, R.L. (2003). "A grounded look at the debate over prison- based education : Optimistic theory versus pessimistic worldview." *The Prison Journal*. Retrieved April 19, 2009 from <http://tpj.sagepub.com/cgi/content/abstract/83/2/115>.
- Vacca, J. S. (2004). "Educated prisoners are less likely to return to prison." *Journal of Correctional Education*. Retrieved March 21, 2008 from http://findarticles.com/p/articles/mi_qa4111/is_200412/ai_n9466371/

- Vogel, B. (1994). "Making prison libraries visible and accessible. Corrections Today." Retrieved June 8, 2009 from [http://findarticles.com/p/articles/mi_hb6399/is_n2-v56\(ai_n28638634\).](http://findarticles.com/p/articles/mi_hb6399/is_n2-v56(ai_n28638634).)
- Wacquant, L. (2002). "The curious eclipse of prison ethnography in the age of mass incarceration." Retrieved March 19, 2012 from <http://eth.sagepub.com/content/3/4/371>
- Waldrum, J. B. (2009). "Challenges of prison ethnography." Retrieved March 19, 2012 from <http://myclass.peelschools.org/sec/12/27819/Lists/Events/Attachments/11/50-1-James-Waldrum-In-Focus.pdf>.
- Werner, O. J. (1977). "Law libraries for correctional facilities." Retrieved March 3, 2009 from http://www.ideals.illinois.edu/bitstream/handle/2142/6941/librarytrendsv26i1g_opt.pdf?sequence=1
- Wilhelmus, D. W. (1999). "A new emphasis for correctional facilities' libraries." *Journal of Academic Librarianship* 25 (2).

Tokoh-Tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan



Judul Buku : Lensa Kacamata

Penulis : Zahidi Dato' Zainol Rashid

Penerbit : Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah)

Tahun : 2012

Muka surat : 556 halaman

Pengulas : Shaharom TM Sulaiman

Dalam tradisi kepustakawan di Malaysia, amat jarang golongan pustakawan yang menceburi dalam dunia penulisan. Dr. Zahidi Zainol Rashid merupakan antara segelintir pustakawan yang menceburi bidang tersebut. Di tangannya, pernah lahir buku Mahathir Menjulang Martabat Malaysia, Mahathir Di Mata Umum, dan Che Det dan Pekan Rabu. Minatnya yang mendalam dalam bidang sejarah khususnya sejarah tokoh menyebabkan beliau memberi tumpuan kepada penulisan bercorak biografi.

Dalam buku *Lensa Kacamata*, Zahidi telah mencatat sisi-sisi menarik tokoh-tokoh Negara seperti Tunku Abd. Rahman (Perdana Menteri Pertama) berdasarkan sejarah lisan yang tidak ditemui dalam buku-buku sejarah biografi Tunku. Tokoh-tokoh lain yang turut diliputinya ialah ialah seniman Omar Rojik, kisah tragis Tan Sri Abd. Rahman Hashim (mantan Ketua Polis Negara ketiga), Tun Mohamed Zahir Ismail (bekas Yang Di Pertua Dewan Rakyat yang juga seorang sasterawan), Tun Syed Ahmad Syed Mahmood Shahabuddin (Mantan Yang DiPertua Negeri Melaka) kisah cinta penyanyi tahun 1950an Allahyarham R. Azmi.

Zahidi juga menelusuri tokoh-tokoh yang namanya jarang dikenali tetapi memberi sumbangan dalam bidang tertentu dan mencipta nama di peringkat antarabangsa seperti A.B. Ibrahim (Pelukis kelahiran Kedah), Allahyarham Dr. Katni Kamsono Kibat (Ahli akademik terulung dalam bidang kepustakawan dan pengajian maklumat di Malaysia),


Abd. Halim ‘R’ (Pejuang sastera tradisi), Haji Mat Lala (Ulama yang seangkatan dengan Tok Kenali).

Dalam buku ini, Zahidi telah memperkasa kisah tokoh-tokoh besar Negara dan dalam masa yang sama memperkenalkan tokoh-tokoh ‘kecil’ yang banyak berjasa. Antara yang ‘besar’ dan ‘kecil’ sebenarnya tiada perbezaan, yang pentingnya perlu banyak kajian dan penulisan tentang tokoh-tokoh tersebut agar masyarakat Malaysia mengenalinya dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan. Bak kata Almarhum Sukarno (Mantan Presiden Indonesia), “Bangsa yang tidak mengenal pemikir (termasuk tokoh-tokoh) bangsanya adalah bangsa yang kerdil”. Melalui tokoh-tokoh ini, Zahidi tidak hanya menulis hal-hal ‘rasmi’ sahaja teapi turut memuatkan sisi-sisi menarik kemanusiaan dalam kehidupan tokoh-tokoh tersebut.

Dalam buku ini, Zahidi turut melakarkan pengetahuannya yang meluas dalam bidang sains, sejarah, dan kepustakawan melalui pelbagai tulisan yang menyentuh tersebut. Berdasarkan sejarah tradisi kepustakawan silam khususnya dalam peradaban Islam, para pustakawan adalah seorang ilmuwan kerana terdedah secara langsung dengan dunia ilmu dan perbukuan. Kerana itulah mereka mampu memahami banyak hal berkaitan pelbagai ilmu pengetahuan kerana minat budaya membacanya yang mendalam.

Namun yang menarik dalam buku ini, beliau menceritakan pengalamannya mengunjungi kampung-kampung buku di Eropah iaitu Hay on-Wye (Wales), Redu (Belgium) dan Bredevoort (Belanda). Pengalaman ‘memburu’ buku di kampung buku tentu sekali pengalaman yang unik dan istimewa berbanding pengalaman ‘memburu’ barang-barang di shopping mall atau kompleks-kompleks membeli belah mega. Buku ini sewajarnya dimiliki oleh perpustakaan-perpustakaan di Malaysia kerana ianya di tulis oleh seorang pustakawan yang memberi sumbangan bermakna dalam bidang penulisan.

Perpustakaan Digital : Isu dan Cabaran



Judul Buku	: Digital Libraries: Issues and Challenges
Penyelenggara	: Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mustaffa Darimi, Mohd. Zaihan Hussin, Gopi Ghantan Mylvganam
Penerbit	: UiTM Publication Centre
Tahun	: 2011
Muka surat	: 105 halaman
Pengulas	: Shaharom TM Sulaiman

Banyak nama telah diberikan kepada perpustakaan dalam Abad ke 21. Antaranya; perpustakaan elektronik, perpustakaan maya, perpustakaan digital dan perpustakaan ‘tanpa dinding’. Walau apa pun nama yang diberikan, sedikit sebanyak ada perbezaannya tetapi begitu kecil sehingga penggunaan mana-mana istilah sekalipun boleh membayangkan perkara yang sama. Namun, yang jelasnya perpustakaan-perpustakaan tersebut amat diwarnai oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih.

Koleksi perpustakaannya tentu sekali berorientasikan digital, dan organisasi maklumatnya menggabungkan penggunaan alat-alat elektronik, sumber-sumber maya, pangkalan data dalam talian dan perkhidmatan perpustakaan juga semakin canggih, mudah dan segera. Pokoknya, perpustakaan telah memberi keselesaan kepada penggunanya.

Dari segi konsepnya, hampir semua perpustakaan di Malaysia telah pun menuju ke arah digital bergantung pada tahap perlaksanaannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kehadiran internet telah menyemarakkan lagi fungsi perpustakaan digital.

Di Malaysia, tidak banyak penulisan tentang perpustakaan digital, maya, elektronik dan semacamnya diabadikan dalam bentuk penerbitan buku. Kehadiran buku ini telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada pemahaman perlaksanaan, cabaran dan isu-isu yang berkaitan perpustakaan digital di Malaysia. Tulisan-tulisan ini bukan bersifat teori dan konsepsual semata tetapi turut memuatkan kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa perpustakaan di Malaysia.

Bagi para pengurus maklumat, pustakawan dan pekerja-pekerja ‘maklumat’, buku ini perlu dimiliki dan menjadi bahan bacaan yang amat berguna dalam bidang kerjaya yang diceburinya.